NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**Jil. 60** **21hb Julai 2016** **No.15**

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004

**No. 545.**

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

FATWA MENGENAI TANAH LOT 791 (LOT LAMA 391(1)) GERAN
2421, BAYAN BARU, PULAU PINANG

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2014 telah membincangkan tentang Tanah Lot 791 (Lot Lama 391(1)) Geran 2421, Bayan Baru, Pulau Pinang menurut pandangan syarak dan memutuskan seperti yang berikut:

(i) Lot 791 (Lot Lama 391(1)) Geran 2421, Bayan Baru, Pulau Pinang adalah sebagai wakaf berdasarkan *"Deed Poll"* bertarikh 6-9-1882 dan "*Indenture*" bertarikh 5-6-1908 seperti yang berikut:

(a) *"Deed Poll"* bertarikh 6-9-1882

Isi kandungan penting—Dibuat di antara Hajee Driss bin Shaikoo dan Saibah bintee Noohmin dengan Hajee Abdul Rasheed. Dengan balasan sebanyak $1, diserah hak ke atas Hajee Abdul Rasheed dalam amanah sebidang tanah dalam Daerah Bayan Lepas, Pulau Pinang grant No. 2421.Untuk dipegang tanah tersebut dan setiap bahagiannya …… kepunyaan Hajee Abdul Rasheed tersebut, waris-waris dan diserah hak dalam amanah ('in trust') dan untuk kegunaan sebuah masjid, kegunaan umum untuk upacara keugamaan dan tanah perkuburan komuniti Mohamad penduduk Bayan Lepas.

(b) "*Indenture*" bertarikh 5-6-1908

Isi kandungan penting—*Dibuat di antara Saheemah binti Haji Abdul Karim (Balu kepada Hajee Abdul Rasheed) dan Hajee Mohamed bin Hajee Abdul Rasheed pada masa selepas kematian Hajee Abdul Rasheed. (Pada akhir perenggan 'Conveyance' ini), "…… tertakluk kepada kandungan Deed* Poll *bertarikh 6-9-1882 yang dibuat oleh Hajee Driss dan isterinya Saibah kepada Hajee Abdul Rasheed untuk tujuan kegunaan sebuah masjid".*

(ii) Jual beli tanah wakaf tersebut adalah tidak sah mengikut hukum syarak berdasarkan dalil seperti yang berikut:

Diriwayatkan daripada Ibnu 'Umar *Radhiallahu 'anhuma:*

أن عمر بن الخطاب أصاب أرضا بخيبر، فأتى النبى صلى الله عليه وسلم يستأمره فيها، فقال: يا رسول الله، إني أصبت أرضا بخيبر، لم أصب مالا قط هو أنفس عندي منه، فما تأمر به؟ قال: إن شئت حبست أصلها وتصدقت بها. فتصدق بها عمر، أنه لا يباع ولا يوهب ولا يورث
(رواه البخري)

Maksudnya: *"Bahawasanya Saidina Umar bin al-Khattab mempunyai sekeping tanah di Khaibar, maka beliau datang menemui Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam (untuk) menerima arahan Baginda mengenai apa yang perlu dilakukannya dengan tanah tersebut. Beliau berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku mempunyai sekeping tanah di Khaibar, aku tidak mempunyai harta yang tinggi nilainya daripada tanah itu, maka apa yang engkau perintahkan (kepadaku) mengenai tanah itu?". Rasulallah Shallallahu 'alaihi*

*wasallam menjawab: "Jika engkau mahu, tahan (tidak digunapakai) dan sedekah manfaatnya (dengan berwaqaf). Maka Umar bersedekah dengan tanah tersebut, tidak boleh dijual, tidak boleh dihadiahkan dan tidak boleh diwariskan."*

Dibuat 18 Februari 2015
[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 2(35); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

Dengan Titah Perintah

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa*
*Pulau Pinang*

## *FATWA* UNDER SECTION 48

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [*Enactment 2*], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the *Fatwa* Committee for the State of Penang, makes the *fatwa* as set out in the Schedule.

### SCHEDULE

### FATWA MENGENAI TANAH LOT 791 (LOT LAMA 391(1)) GERAN 2421, BAYAN BARU, PULAU PINANG

*Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2014 telah membincangkan tentang Tanah Lot 791 (Lot Lama 391(1)) Geran 2421, Bayan Baru, Pulau Pinang menurut pandangan syarak dan memutuskan seperti yang berikut:*

*(i)* *Lot 791 (Lot Lama 391(1)) Geran 2421, Bayan Baru, Pulau Pinang adalah sebagai wakaf berdasarkan "Deed Poll" bertarikh 6-9-1882 dan "Indenture" bertarikh 5-6-1908 seperti yang berikut:*

*(a)* *"Deed Poll" bertarikh 6-9-1882*

*Isi kandungan penting—Dibuat di antara Hajee Driss bin Shaikoo dan Saibah bintee Noohmin dengan Hajee Abdul Rasheed. Dengan balasan sebanyak $1, diserah hak ke atas Hajee Abdul Rasheed dalam amanah sebidang tanah dalam Daerah Bayan Lepas, Pulau Pinang grant No. 2421.Untuk dipegang tanah tersebut dan setiap*

*bahagiannya …… kepunyaan Hajee Abdul Rasheed tersebut, waris*-waris dan *diserah hak dalam amanah ('in trust') dan untuk kegunaan sebuah masjid, kegunaan umum untuk upacara keugamaan dan tanah perkuburan komuniti Mohamad penduduk Bayan Lepas.*

(b) *"Indenture" bertarikh 5-6-1908*

*Isi kandungan penting—Dibuat di antara Saheemah binti Haji Abdul Karim (Balu kepada Hajee Abdul Rasheed) dan Hajee Mohamed bin Hajee Abdul Rasheed pada masa selepas kematian Hajee Abdul Rasheed. (Pada akhir perenggan 'Conveyance' ini), "…… tertakluk kepada kandungan Deed Poll bertarikh 6-9-1882 yang dibuat oleh Hajee Driss dan isterinya Saibah kepada Hajee Abdul Rasheed untuk tujuan kegunaan sebuah masjid".*

(ii) *Jual beli tanah wakaf tersebut adalah tidak sah mengikut hukum syarak berdasarkan dalil seperti yang berikut:*
*Diriwayatkan daripada Ibnu 'Umar Radhiallahu 'anhuma:*

أن عمر بن الخطاب أصاب أرضا بخيبر، فأتى النبى صلى الله عليه وسلم يستأمره فيها، فقال: يا رسول الله، إني أصبت أرضا بخيبر، لم أصب مالا قط هو أنفس عندي منه، فما تأمر به؟ قال: إن شئت حبست أصلها وتصدقت بها. فتصدق بها عمر، أنه لا يباع ولا يوهب ولا يورث
(رواه البخري)

*Maksudnya: "Bahawasanya Saidina Umar bin al-Khattab mempunyai sekeping tanah di Khaibar, maka beliau datang menemui Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam* (untuk) *menerima arahan Baginda mengenai apa yang perlu dilakukannya dengan tanah tersebut. Beliau berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku mempunyai sekeping tanah di Khaibar, aku tidak mempunyai harta yang tinggi nilainya daripada tanah itu, maka apa yang engkau perintahkan (kepadaku) mengenai tanah itu?". Rasulallah Shallallahu 'alaihi wasallam menjawab: "Jika engkau mahu, tahan (tidak digunapakai) dan sedekah manfaatnya (dengan berwaqaf). Maka Umar bersedekah dengan tanah tersebut, tidak boleh dijual, tidak boleh dihadiahkan dan tidak boleh diwariskan."*

Dibuat 18 February 2015
[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 2(35); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

By Command

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR
*Chairman of the Fatwa Committee*
*State of Penang*

**اينكمن ڤنتدبيرن اڬام اسلام**

**(نڬري ڤولاو ڤينڠ) 2004**

**فتوى دباوه سيكشن 48**

ڤد منجالنكن كواس يڠ دبريكن اوليه سيكشن 48 اينكمن ڤينتدبيرن اڬام اسلام (نڬري ڤولاو ڤينڠ) 2004 [*اينكمن 2*]، اتس ڤركنن يڠ دڤرتوان اڬوڠ، جاوتنكواس فتوى نڬري ڤولاو ڤينڠ، ممبوات فتوى يڠ دڤاتاكن دالم جدوال.

**جدوال**

**فتوى مڠناءي تانه لوت 791 (لوت لاما 391 (1) ڬرنت 2421، بيان بارو، ڤولاو ڤينڠ)**

مشوارت جاوتنكواس فتوى نڬري ڤولاو ڤينڠ بيل. 2014/3 تله ممبينچڠكن تنتڠ تانه لوت 791 (لوت لاما 391 (1)) ڬرنت 2421، بيان بارو، ڤولاو ڤينڠ منوروت ڤنداڠن شرع دان مموتوسكن سڤرتي يڠ برايكوت:

(i) لوت 791 (لوت لاما 391 (1)) ڬرنت 2421، بيان بارو، ڤولاو ڤينڠ اداله سباڬاي واقف برداسركن "*Deed Poll*" برتاريخ 6.9.1882 دان "*Indenture*" برتاريخ 5.6.1908 سڤرتي يڠ برايكوت:

(a) "*Deed Poll*" برتاريخ 6.9.1882

ايسي كندوڠن ڤنتيڠ—دبوات د انتارا Hajee Idris Bin Shaikoo دان Saibah Bintee Noohmin دڠن Hajee Abdul Rasheed. دڠن بالسن سباڽق 1$، دسره حق كأتس Hajee Abdul Rasheed دالم أمانه سبيدڠ تانه دالم دايره بيان لڤس، ڤولاو ڤينڠ ڬرنت 2421. اونتوق دڤڬڠ تانه ترسبوت دان ستياڤ بهاڬينڽ ...... كڤوڤان Hajee Abdul Rasheed ترسبوت، واريث-واريث دان دسراه حق دالم أمانه

(‘in trust’) دان اونتوق كڬونأن سبواه مسجد، كڬونأن عموم اونتوق أوڤاچارا كأڬامأن دان تانه ڤرقبورن كومونيتي محمد ڤندودوق بيان لڤس.

(b) "*Indenture*" برتاريخ 5.6.1908

ايسي كندوڠن ڤنتيڠ—دبوات د انتارا Saheemah Binti Haji Abdul Karim (بالو كڤد Hajee Mohamad bin Hajee Abdul Rasheed دان (Hajee Abdul Rasheed ڤد ماس سلڤس كماتين Hajee Abdul Rasheed. (ڤد اخير ڤرڠكن ‘Conveyance’ اين)، "...... ترتعلوق كڤد كندوڠن Deed Poll برتاريخ 6.9.1882 يڠ دبوات اوليه Hajee Driss دان استريڽ Saibah كڤدHajee Abdul Rasheed اونتوق توجوان ڬكوناءن سبواه مسجد".

(ii) جوال بلي تانه واقف ترسبوت اداله تيدق صح مڠيكوت حكوم شرع برداسركن دليل سڤرتي يڠ برايكوت:

درواياتكن درڤد ابن عمر رضي الله عنهما:

أن عمر بن الخطاب أصاب أرضا بخيبر، فأتى النبى صلى الله عليه وسلم يستأمره فيها، فقال: يا رسول الله، إني أصبت أرضا بخيبر، لم أصب مالا قط هو أنفس عندي منه، فما تأمر به؟ قال: إن شئت حبست أصلها وتصدقت بها. فتصدق بها عمر، أنه لا يباع ولا يوهب ولا يورث.

(رواه البخري)

مقصودڽ: "بهاواسڽ سيدنا عمر بن الخطاب ممڤوڽاءي سكڤيڠ تانه دخيبر، مك بلياو داتڠ منموءي نبي صلى الله عليه وسلم (اونتوق) منريما ارهن بڬيندا مڠناءي اڤ يڠ ڤرلو دلاكوكنڽ دڠن تانه ترسبوت. بلياو بركات: "واهاي رسول الله، سسوڠڬوهڽ اكو ممڤوڽاءي سكڤيڠ تانه دخيبر، اكو تيدق ممڤوڽاءي هرتا يڠ تيڠڬي نيلايڽ درڤد تانه ايت، مك اڤ يڠ اڠكاو ڤرينتهكن (كڤداكو) مڠناءي تانه ايت؟". رسولا الله صلى الله عليه وسلم منجواب: "جك اڠكاو ماهو، تاهن (تيدق دڬوناڤكاي) دان صدقه منفعتڽ (دڠن برواقف). مك عمر برصدقه دڠن تانه ترسبوت، تيدق بوليه دجوال، تيدق بوليه دهديهكن دان تيدق بوليه دواريثكن".

دبوات 18 فيبرواري 2015

[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 2(35); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

دڠن تيته ڤرينته

داتوء دكتور وان سالم بن وان محمد نور
ڤڠروسي جاوتنكواس فتوى
نڬري ڤولاو ڤينڠ